

95 – Mann dan Salwa

- (Al Baqarah: 61) وَإِذْ قُلْتُمْ يُمُوسَىٰ لَن نَّصْبِرَ عَلَىٰ طَعَامٍ وَحِدٍ
- Ketika kelaparan di padang pasir, Bani Israil meminta Nabi Musa supaya meminta kepada Tuhan agar di turunkan makanan. Lalu diturunkan kepada mereka mann dan salwa. Lama kelamaan mereka sudah jemu dan tidak lagi merasa istimewa makanan tersebut.

Soalan

- Kenapa Al Quran menyebut satu makanan sedangkan mereka makan dua makanan iaitu mann dan salwa?

Jawapan

- ✓ Disebut satu kerana ia tidak berubah dan tidak pernah bertukar.
- ✓ Walaupun dua makanan tetapi ia daripada jenis yang sama, iaitu jenis makanan golongan berada dan mewah.
- ✓ Kedua-dua makanan itu dicampur dan dimakan bersama.

96 – Bani Israil membunuh para nabi

- (Al Baqarah: 61) وَبَاءُوا بِغَضَبٍ مِّنَ اللَّهِ ذَٰلِكَ بِأَنَّهُمْ كَانُوا يَكْفُرُونَ بِآيَاتِ اللَّهِ وَيَقْتُلُونَ النَّبِيِّنَ بِغَيْرِ الْحَقِّ
- Antara sifat yang telah sebatikan dengan Bani Israil ialah mengingkari ayat-ayat Allah dan membunuh para nabi. Kerana itulah mereka ditimpa kehinaan, kemelaratan dan kemurkaan daripada Allah.

Soalan

- Kenapa disebut membunuh nabi tanpa alasan yang benar? Apakah nabi itu boleh dibunuh kalau ada alasan yang betul?

Jawapan

- ✓ Sudah tentu tiada sama sekali alasan yang benar dan munasabah untuk nabi itu dibunuh. Ia berbeza dengan manusia biasa. FirmanNya
وَلَا تَقْتُلُوا أَنْفُسَ الَّتِي حَرَّمَ اللَّهُ إِلَّا بِالْحَقِّ (Al Israa': 33)
- ✓ Disebut '*dengan tiada alasan yang benar*' adalah untuk menjawab mereka dan menyatakan betapa teruk dan kejinya perbuatan mereka. Ini kerana mereka beranggapan boleh membunuh nabi kalau dengan alasan yang betul.

97 – Manusia menjadi kera

- وَلَقَدْ عَلِمْتُمُ الَّذِينَ اعْتَدَوْا مِنْكُمْ فِي السَّبْتِ فَقُلْنَا لَهُمْ كُونُوا قِرَدَةً خَاسِئِينَ (Al Baqarah: 65)
- Allah menukar mereka yang melampau dan melanggar laranganNya daripada menangkap ikan pada hari sabtu menjadi kera yang hina.

Soalan

- Bagaimana Allah boleh memerintahkan mereka menjadi kera?
- Bertukar daripada manusia kepada kera bukanlah dalam kemampuan mereka.

Jawapan

- ✓ Dengan kemampuan dan kehendak daripada Allah, Dia menukarkan mereka yang melampau itu daripada manusia menjadi kera, bukan dengan kebolehan mereka merubah diri sendiri menjadi kera.

98 – Hati keras seperti batu

- ثُمَّ قَسَتْ قُلُوبُكُمْ مِّنْ بَعْدِ ذَلِكَ فَهِيَ كَالْحِجَارَةِ أَوْ أَشَدُّ قَسَوَةً وَإِنَّ مِنَ الْحِجَارَةِ لَمَا يَتَفَجَّرُ مِنْهُ ^ج أَنْهَارٌ وَإِنَّ مِنْهَا لَمَا يَشَّقَّقُ ^ج فَيَخْرُجُ مِنْهُ الْمَاءُ ^ج (Al Baqarah: 74)
- Allah menyifatkan hati orang yang mengingkari mu'jizat Nabi walaupun telah menyaksikannya dengan mata kepala sendiri seperti batu kerasnya, atau lebih keras lagi. Adapun batu, walaupun ia keras tetapi air masih lagi boleh keluar daripadanya.

Soalan

- Apa perlunya disebut dua perkara yang sama? يَتَفَجَّرُ مِنْهُ الْأَنْهَارُ dan يَشَقُّقُ فَيَخْرُجُ مِنْهُ الْمَاءُ kedua-duanya bererti keluar daripadanya air.

Jawapan

- ✓ Yang pertama bererti air terpancar keluar daripadanya dengan banyak sehingga terbentuk daripadanya sungai-sungai.
- ✓ Yang kedua pula bererti air mengalir keluar daripada celah-celahnya yang pecah itu.

99 – Ahli Kitab mengubah mengubah Kitab Allah

- (Al Baqarah: 79) فَوَيْلٌ لِلَّذِينَ يَكْتُبُونَ الْكِتَابَ بِأَيْدِيهِمْ ثُمَّ يَقُولُونَ هَذَا مِنْ عِنْدِ اللَّهِ لِيَشْتَرُوا بِهِ ثَمَنًا قَلِيلًا
- Al Quran mengeji mereka yang mengubah Kitab Allah yang diturunkan kepada mereka untuk mendapat sedikit habuan di dunia, kemudian mendakwa ianya datang daripada Allah.

Soalan

- Perlukah disebut *menulis dengan tangan*? Sedangkan menulis itu memanglah menggunakan tangan.

Jawapan

- ✓ Disebut perkataan tangan supaya jelas kepada kita bahawa mereka sendiri yang menulis dan menukar Kitab Taurat itu, kemudian mendakwa ianya datang dari Allah.
- ✓ Untuk menunjukkan betapa teruknya perbuatan mereka itu.

100 – Bani Israil memungkiri janji

- ثُمَّ تَوَلَّيْتُمْ إِلَّا قَلِيلًا مِّنْكُمْ وَأَنْتُمْ مُّعْرِضُونَ (Al Baqarah: 83)
- Bani Israil berjanji untuk tidak menyembah selain Allah, berbuat baik kepada kedua ibubapa dan sebagainya. Tetapi akhirnya mereka memungkiri janji-janji tersebut kecuali sebilangan kecil sahaja dari kalangan mereka.

Soalan

- Kalimah تَوَلَّيْتُمْ dan مُعْرِضُونَ kedua-duanya memberi erti yang sama, iaitu berpaling.
- Perlukah Al Quran membawa dua perkataan yang sama ertinya didalam satu ayat?

Jawapan

- ✓ Perkataan yang pertama bererti, mereka berpaling daripada menyempurnakan janji. Perkataan kedua pula bererti, mereka tidak menghiraukan (meninggalkan) mengkaji dan memikirkan akibat daripada melanggar janji tersebut.
- ✓ Mereka robohkan perjanjian tersebut dan berpaling daripada mengamalkan kandungannya.
- ✓ Mereka meninggalkan perjanjian tersebut dan tidak berazam atau berniat untuk menyempurnakannya pada masa akan datang.
- ✓ Menyatakan kebiasaan mereka. Iaitu kamu mungkir janji dan kamu adalah kaum yang biasa berpaling.